

TUJUH TAHUN DI LEMBAH MAUT

Pengarang:

Mohd Zainizan bin Sahdan

E-mel:


zainizan@uthm.edu.my¹

Abstrak: Lembah Maut adalah metafora perjalanan penuh cabaran dalam dunia perniagaan. Buku ini menceritakan pengalaman Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan yang menempuh tujuh tahun liku-liku perniagaan, bermula dari seorang penyelidik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia hingga menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Ittihad Maju Jaya Sdn. Bhd., syarikat terbitan universiti ke-15.

Tahun 2017 menjadi titik perubahan apabila beliau memasuki dunia korporat, menghadapi cabaran besar namun tidak pernah berputus asa. Berkat usaha gigih, syarikatnya berjaya memperoleh projek bernilai jutaan ringgit serta geran dari Cradle Fund dan Hasanah.

Buku ini menjadi panduan berguna, penuh tip mengelak kegagalan dan nasihat praktikal. Ia tidak menjanjikan kejayaan segera, tetapi menjadi inspirasi kepada mereka yang ingin keluar dari "lembah maut" perniagaan.

Kata kunci: liku-liku perniagaan, dunia korporat, tip mengelak kegagalan



Tujuh Tahun di
“LEMBAH MAUT”

Strategi dan Pengalaman untuk Survival dalam Dunia Korporat

Mohd Zainizan Sahdan



Penerbit
UTHM

Tujuh Tahun di “LEMBAH MAUT”

Mohd Zainizan Sahdan


Penerbit
UTHM
2025

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti

Penulis:
Mohd Zainizan Sahdan

Diterbitkan oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/8698

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4, Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
No. Tel: 03-89390660



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-206-0

Isi Kandungan

KATA PENGANTAR	ix
PRAKATA	xi
BAB 1 MENGENALI DUNIA PERNIAGAAN	1
1.1 Semua Serba Tak Tahu	1
1.2 Lembah Maut	5
1.3 Sistem Sokongan di Lembah Maut	8
BAB 2 LANGKAH PERTAMA, SEMANGAT MEMBARA	19
2.1 Syarikat Pemula	19
2.2 Menyediakan Ruang Pejabat	21
2.3 Menggaji Pekerja Pertama	22
2.4 Belajar Pengurusan dan Kewangan Syarikat	23
2.5 Menyediakan Kertas Kerja: dari Akademik kepada Korporat	27
2.6 Pemasaran: Seni Abstrak yang Perlu Difahami	33
2.7 <i>Business Model Canvas</i>	36
BAB 3 MASUK KE KANDANG HARIMAU	41
3.1 Pintu-pintu Mula Terbuka	41
3.2 Cabaran Mengurus Syarikat	47

BAB 4	BERTARUNG DENGAN HARIMAU	59
4.1	Berdepan dengan Harimau	59
4.2	Lahirnya Ittihad Maju Jaya	68
4.3	Bertahan Hidup	83
4.4	Menangani Pelbagai Ragam Pekerja	85
BAB 5	TITIK MULA BERCANTUM	93
5.1	Menyambung Titik	93
5.2	Mengenal Musang Berbulu Ayam	98
BAB 6	LEMBAH MAUT UMPAMA DI UNIVERSITI	107
6.1	Selepas Tujuh Tahun	107
6.2	Teruskan Belajar dan Teruskan Berkawan	108
6.3	Teruskan Berinovasi	111
BAB 7	TERUSKAN PERJALANAN	115
7.1	Perjalanan yang Tiada Penghujung	115
	BIBLIOGRAFI	119
	INDEKS	121

Kata Pengantar

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Buku ini adalah hasil pengalaman dan dedikasi Mohd Zainizan Sahdan yang patut dijadikan inspirasi kepada semua. Ia membuka mata kita tentang cabaran dunia korporat serta keberanian seorang pendidik melangkah keluar dari zon selesa.

Sebagai seorang yang pernah bersama-sama beliau di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), saya menyaksikan sendiri usaha gigih beliau dalam menguruskan syarikat terbitan universiti dan menyumbang kepada masyarakat. Kisah dalam buku ini bukan sahaja memaparkan cabaran yang dihadapi, tetapi juga memberikan panduan praktikal kepada pembaca tentang bagaimana menghadapi cabaran tersebut dengan ketabahan dan strategi yang bijak.

Saya percaya, buku ini akan memberikan manfaat besar kepada pembaca, khususnya kepada mereka yang ingin mencipta perubahan dan memberi impak positif dalam kehidupan mereka. Semoga ia menjadi sumber inspirasi yang bermakna.

Akhir kata, tahniah kepada Mohd Zainizan Sahdan atas penerbitan karya yang luar biasa ini. Semoga buku ini dapat terus menginspirasi lebih ramai pembaca untuk melangkah maju dalam kehidupan.

Sekian, terima kasih.

Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim

Mantan Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Prakata

Dengan lafaz Bismillah dan penuh kesyukuran ke hadrat Illahi, saya mengucapkan terima kasih atas ilham dan anugerah-Nya yang memungkinkan saya untuk menulis buku ini. Buku ini adalah hasil daripada pengalaman dan perjuangan saya sendiri yang telah melalui dua dunia yang berbeza. Di satu sisi, saya merupakan seorang pensyarah dalam bidang kejuruteraan, yang pada awal penglibatan saya dalam dunia perniagaan, berada di kemuncak penyelidikan teknologi nano. Namun, di sisi lain, saya juga berani menerima cabaran Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada tahun 2016 untuk menubuhkan syarikat terbitan universiti.

Sepanjang perjalanan ini, saya merasai segala cabaran, dugaan, dan jerih-perih dalam proses transformasi minda, fizikal, dan emosi – dari seorang akademia kepada seorang ahli korporat. Saya berharap, pengalaman ini dapat memberi dorongan dan semangat kepada adik-adik serta rakan-rakan seperjuangan untuk terus berjuang dan menangkis rasa putus asa yang sering kali datang menghantui pemikiran kita.

Pada mulanya, saya berniat untuk memasukkan asas-asas dan teori perniagaan dalam buku ini. Namun, setelah berfikir panjang, saya menyedari bahawa di zaman serba

canggih ini, segala teori mudah diperoleh melalui sumber seperti “ChatGPT”. Lantas, saya mendapat ilham daripada Allah SWT untuk berkongsi pengalaman yang saya anggap sebagai mutiara berharga dalam hidup saya. Pengalaman ini adalah suatu ilmu yang tidak ternilai, yang tiada dalam silibus akademik walaupun saya sendiri adalah seorang pensyarah yang mengajar kursus Keusahawanan di UTHM.

Untuk menjaga nama baik setiap pihak, saya tidak akan menyebut nama sebenar atau syarikat sebenar dalam buku ini, kecuali syarikat saya sendiri. Segala nama atau syarikat yang disebutkan adalah sekadar kebetulan. Saya berharap pembaca dapat menerima pandangan dan pengalaman yang saya kongsi ini dengan hati yang terbuka. Saya juga tidak menolak kemungkinan terdapat kekurangan dalam buku ini, namun insya-Allah, jika ada cetakan kedua, saya akan memperbaiki sebarang kelemahan yang ada.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada insan-insan yang telah banyak berkorban dalam menyokong perjuangan saya dalam dunia perniagaan ini. Mereka adalah Allahyarham ibu saya, Hj. Iswati binti Khamis, dan Allahyarham isteri saya yang tercinta, Pn. Sharul Ashikin Rahimah binti Kamaruddin. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada isteri saya sekarang, Pn. Siti Noor Balqis binti Yusaini, yang sentiasa bersusah payah dalam memberi sokongan tanpa henti. Jasa mereka hanya Allah yang mampu membalasnya.



Saya berdoa semoga kejayaan menjadi milik mereka yang menyebarkan ilmu melalui buku ini dan pahalanya mengalir tanpa henti, seperti aliran sungai yang tidak pernah putus. Akhir kata, saya mengajak pembaca untuk mengembara bersama saya melalui perjalanan yang saya lalui sejak 2017 ini. Semoga apa yang saya kongsi dalam buku ini memberi manfaat kepada kita semua.

Wabillahi taufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dr. Mohd Zainizan Sahdan

Profesor Madya

Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Pengarah Urusan

Ittihad Maju Jaya Sdn. Bhd. (Syarikat Terbitan Universiti -
STU)

BAB 1

MENGENALI DUNIA PERNIAGAAN

1.1 SEMUA SERBA TAK TAHU

Dunia akademik dan dunia korporat - dua alam yang begitu berbeza. Di satu sisi, dunia akademik menuntut ketelitian: setiap idea perlu dihuraikan secara saintifik, dibuktikan dengan data dan diabadikan dalam bentuk penulisan akademik yang tersusun rapi. Di sisi lain, dunia korporat bergerak pantas, memacu kepada hasil yang boleh dilaksanakan, mendahulukan keuntungan ekonomi, dan memberi manfaat terus kepada syarikat serta pelanggan. Saya berada di persimpangan dua dunia ini - dan bagi saya, ia adalah satu rahmat. Ibarat seorang penterjemah bahasa, saya memahami kedua-duanya: suara akademik yang bersifat teori, dan denyut nadi industri yang menuntut tindakan segera. Dan dari sinilah, lahirnya ilham untuk menulis buku ini.

Mengapa Saya Menulis Buku Ini?

Dalam keterujaan ahli akademik untuk mengkomersilkan ciptaan dan inovasi melalui Syarikat Terbitan Universiti (STU), ramai tidak sedar bahawa mereka sebenarnya sedang menempuh satu laluan yang penuh ranjau - yang saya gelarkan sebagai “Lembah Maut.” Ia bukan sekadar metafora, tetapi realiti yang saya sendiri pernah lalui. Buku ini bukan sekadar catatan pengalaman peribadi. Ia adalah suara hati saya, panduan yang saya harap dapat menjadi

BAB 2

LANGKAH PERTAMA, SEMANGAT MEMBARA

2.1 SYARIKAT PEMULA

Bayangkan sebuah kisah mendebarkan tentang sekumpulan remaja yang memutuskan untuk menakluk sebuah gunung misteri, kononnya dihuni makhluk ganas pemakan manusia. Pada mulanya, hati mereka dipenuhi keterujaan dan kegembiraan saat menjejakkan kaki ke permulaan pendakian. Rasa ingin tahu membakar semangat mereka, sementara keindahan pemandangan seolah-olah membisikkan janji akan petualangan yang hebat. Namun, mereka lupa bahawa di sebalik keindahan itu, tersembunyi bahaya yang boleh meragut nyawa.

Begitulah saya rasakan ketika pertama kali melangkah ke dunia perniagaan. Sebagai syarikat pemula (start-up), saya memasuki dunia yang penuh janji dan misteri, dengan hati membuak rasa teruja dan ingin tahu. Setiap peluang dan cabaran menjadi gunung yang perlu saya daki, memacu semangat saya untuk terus belajar dan menguasai pengetahuan baru. Ia adalah perjalanan yang mengujakan, menguji batas keberanian, dan akhirnya, menyedarkan bahawa keindahan peluang hanya milik mereka yang berani menghadapi cabaran.

Setelah menubuhkan syarikat XYZ Sdn. Bhd. (bukan nama sebenar), tahun pertama adalah tahun untuk mengenali dunia perniagaan. Ia adalah tahun untuk menuntut ilmu perniagaan,

BAB 3

MASUK KE KANDANG HARIMAU

3.1. PINTU-PINTU MULA TERBUKA

Jika di bab sebelumnya kita membayangkan semangat sekumpulan remaja yang berani memasuki hutan dengan keyakinan tinggi, kini mereka menghadapi realiti yang jauh berbeza. Hutan yang mereka masuki rupanya penuh dengan bahaya, dan mereka mula sedar bahawa bekalan makanan semakin berkurangan, manakala bunyi ngauman harimau mula kedengaran. Namun, dalam situasi ini, harapan tetap menyala apabila ada tanda-tanda laluan baru - jalan menuju peluang yang tidak pernah dijangka.

Dalam perjalanan perniagaan saya, “ngauman harimau” itu adalah cabaran dan ketidakpastian yang muncul dari semua penjuru. Tetapi di sebalik semua ini, fasa ini adalah saat di mana pintu-pintu peluang mula terbuka. Walaupun tidak semua pintu menjanjikan kejayaan besar, setiap celahan kecil adalah langkah untuk bergerak ke hadapan.

3.1.1 Fokus pada Industri Air Bawah Tanah

Keputusan untuk meninggalkan pembangunan sistem pengesan bakteria di dalam air merupakan titik penting dalam perjalanan saya. Saya dan pasukan memilih untuk memberi fokus pada industri air bawah tanah - bidang yang kurang pesaing tetapi memerlukan kepakaran khusus.

BAB 4

BERTARUNG DENGAN HARIMAU

4.1 BERDEPAN DENGAN HARIMAU

Bukanlah niat saya untuk menakutkan mereka yang baru melangkah ke dunia korporat atau perniagaan. Apa yang saya kongsi hanyalah pengalaman peribadi, penuh dengan pelbagai suka dan duka. Bayangkan diri saya seperti seorang pengembara yang masuk ke tengah hutan belantara buat pertama kali. Di situ, saya terserempak dengan seekor harimau ganas, berdiri tegak di hadapan saya. Matanya memandang dengan rasa ingin tahu, sesekali mengeluarkan bunyi yang menggerunkan. Dalam saat-saat mencabar ini, saya hanya mampu bersandar kepada Tuhan sebagai penyelamat. Keyakinan saya terletak pada janji Allah yang telah disampaikan melalui al-Quran:

*“Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.
Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan”
(al-Insyirah, 5-6).*

Fasa ini juga menjadi titik penting yang mengajar saya tentang nilai-nilai yang berharga dalam hidup - nilai persahabatan, kekeluargaan, kepercayaan, dan kebergantungan sepenuhnya kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar, bukan hanya untuk saya tetapi untuk seluruh dunia. Dunia menjadi

BAB 5

TITIK MULA BERCANTUM

5.1 MENYAMBUNG TITIK

Pertengahan tahun 2024 menandakan fasa keempat syarikat, yang saya gelarkan sebagai “fasa permodelan”. Pada titik ini, syarikat telah pun memiliki pelbagai *standard of procedure* (SOP) yang digunakan untuk memastikan pengurusan lebih teratur dan berkesan. Saya menggambarkan perjalanan ini seperti suatu perjuangan yang tidak pernah mudah. Jika pada fasa ketiga saya seolah-olah bertarung dengan harimau, setiap langkah saya terasa seperti jatuh tersungkur, bangun kembali, dicakar dan sembuh, sehinggalah saya akhirnya belajar untuk berkawan dengan harimau demi bertahan hidup. Harimau ini, dengan segala cabarannya, adalah ujian yang perlu saya lalui.

Hanya apabila saya menerima bahawa ujian tersebut adalah sebahagian daripada proses kehidupan, saya dapat fokus sepenuhnya kepada penyelesaiannya. Fasa keempat adalah detik di mana saya mula menemui jalan keluar dari hutan belantara yang kelim, menuju pemandangan indah yang tersembunyi atau mungkin harta karun yang belum ditemukan oleh pengembara lain. Salah satu elemen utama dalam peralihan dari fasa ketiga ke fasa keempat adalah jaringan perhubungan yang semakin kukuh. Sahabat-sahabat yang setia, serta kenalan baru yang lebih jujur dalam berniaga, memainkan peranan penting dalam membuka jalan keluar dari kesulitan ini.

BAB 6

LEMBAH MAUT UMPAMA DI UNIVERSITI

6.1 SELEPAS TUJUH TAHUN

Berada di dalam lembah maut, rasanya seperti melangkah ke alam universiti yang penuh dengan cabaran. Jika kita memandangnya dengan mata negatif, ia boleh menjadi mimpi ngeri yang menyesakkan dada, penuh dengan tekanan dan putus asa, seolah-olah kita sedang sesak nafas dalam perjalanan yang tiada penghujungnya. Tetapi, jika kita melihatnya dengan sudut pandang yang lebih luas, seperti berada di universiti kehidupan, kita sebenarnya sedang menimba ilmu dan pengalaman berharga yang akan menjadi bekal untuk bisnes kita suatu hari nanti. Perbezaannya, di lembah maut ini, kita tidak boleh membenarkan diri kita gagal. Gagal bukanlah tentang tidak berjaya, tetapi tentang berputus asa. Selagi kita tidak menyerah, kita belum gagal kita masih berjuang. Saya ingin berkongsi sedikit pelajaran yang saya peroleh setelah “bergraduasi” dari lembah maut ini, yang saya harap boleh memberi inspirasi dan kekuatan kepada mereka yang sedang menempuhnya.

Bibliografi

Wartawan BH (30 Dis 2018) “Mangsa banjir cecah 49,369 di Pahang, Temerloh paling ramai” Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2014/12/26064/mangsa-banjir-cecah-49369-di-pahang-temerloh-paling-ramai>.

M.R. Nurliyana, M.Z. Sahdan, K.M. Wibowo, A. Muslihati, H. Hashim, S.A. Ahmad, Y. Sari, Z. Mansur (2018) “Detection of Escherichia Coli Bacteria in Wastewater by using Graphene as a Sensing Material” Journal of Physics conference series, 995, 012065.

M. Eeles “What is the Death Valley Curve?” LinkedIn. <https://www.linkedin.com/pulse/what-death-valley-curve-martyn-eeles>.

Leow Yong Shin (2011) “Sunzi’s Art of War in Business” Red Horse Comic Publishing.

General Management (2008) “Making Decisions” Harvard Business Press.

Peter Thiel (2014) “Zero to One- Notes on startups, or how to build the future” Crown Business New York.

Raden Adjeng Kartini (1911) “Habis Gelap Terbitlah Terang” G. Kolff & Co.

Index

A

Abang Abu Mekanik Wang 47, 121
air bawah tanah 41, 42, 43, 44, 45,
48, 49, 50, 71, 72, 73, 99, 101,
111
Akta Syarikat 5, 121
aliran tunai 10, 55, 56, 112, 113, 116
Amanah 7, 121
Anak syarikat 51, 121
Art of War, penerapan dalam strategi
pemasaran 121

B

bahan nano 2, 121, 124
banjir besar 2, 3, 121
BMC (Business Model Canvas),
definisi dan kepentingan 121
buku strategi perniagaan 53, 121

C

Cabaran awal 47, 53, 121
Cabaran kewangan 48, 121
Cabaran mengurus syarikat 47, 122
Cabaran transformasi gaya
pengurusan 53, 122
Channel 37, 121
CIP Spark 11, 121
CIP Sprint 11, 121
Containerized Water Filtration System
122
Cost Structure 38, 121
Cradle Fund 11, 73, 121
Customer Relationship 37, 121
Customer Segment 37, 121

D

Disiplin diri 7, 122
diversifikasi pendapatan 49, 55, 83

E

emosi 7, 10, 15, 47, 61, 75, 76, 104

G

gaji pekerja 23, 48, 55, 84, 122
gaya pengurusan 53, 54, 122
geran kerajaan 11, 66, 122

I

Imej diri 8, 122
industri air bawah tanah 41, 50, 122
inovasi 1, 2, 12, 13, 14, 73, 111, 112
inovasi sosial 12, 122
integriti 74, 113, 122
Ittihad Maju Jaya 18, 69, 70, 71, 72,
74, 75, 77, 82, 83, 111, 122

J

Jadual perbelanjaan bulanan 122
Joint Venture 48, 51, 52, 122

K

Kejatuhan pertama dalam perniagaan
123
keluarga 9, 10, 14, 26, 47, 61, 63, 71,
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
2, 122
kesediaan mental 6, 8, 122
Key Activities 38, 121

keyakinan 7, 16, 41, 59, 64, 69, 77, 88

Key Partnership 38, 121

kolaborasi 51, 123

L

Liabiliti syarikat 123

M

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) 123

masa 5, 6, 7, 8, 11, 16, 20, 21, 26, 27, 47, 48, 53, 54, 60, 70, 71, 72, 74, 76, 77, 78, 80, 83, 85, 87, 88, 89, 90, 94, 101, 102, 105, 112, 113, 117

mental 6, 8, 15, 47, 79, 122, 123

Merealisasikan 71, 124

N

Nano teknologi 123

narsisistik 7, 123

P

pasaran 2, 3, 7, 16, 35, 38, 42, 86, 111, 112, 116

pemasaran iv, 11, 33, 34, 35, 36, 38, 73, 121, 123

pembentukan pasukan 74, 75, 122

Pemilikan Tunggal 4, 123

pengurusan kewangan 55, 78, 113, 122

perkongsian 4, 100, 123

Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) 4, 123

projek 2, 7, 8, 12, 27, 31, 32, 34, 43, 48, 49, 51, 55, 56, 57, 70, 76, 77, 80, 82, 83, 84, 89, 94, 99, 100, 102, 103, 104, 110, 112, 113, 114

R

Rajah BMC 123

rakan kongsi 5, 6, 16, 21, 38, 42, 51, 64, 66, 67, 69, 70, 100, 115

Revenue Stream 37, 121

S

Sendirian Berhad (Sdn Bhd) 2, 4, 123

Servis 7, 8, 95, 123

sokongan 8, 9, 10, 11, 15, 16, 17, 37, 48, 61, 64, 83, 101, 103, 108, 117

Strategic Research Fund (SRF) 12, 123

strategi pemasaran 33, 34, 35, 121, 123

Sun Tzu 35, 123

T

Teknologi bahan nano 124

tindakan 1, 32, 38, 45, 46, 65, 89, 90

U

Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2, 124

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 2, 124

V

Value Proposition 37, 121

visi syarikat 75, 124

Tujuh Tahun di “LEMBAH MAUT”

Strategi dan Pengalaman untuk Survival dalam Dunia Korporat

Lembah Maut adalah metafora perjalanan penuh cabaran dalam dunia perniagaan. Buku ini menceritakan pengalaman Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan yang menempuh tujuh tahun liku-liku perniagaan, bermula dari seorang penyelidik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia hingga menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Ittihad Maju Jaya Sdn. Bhd., syarikat terbitan universiti ke-15.

Tahun 2017 menjadi titik perubahan apabila beliau memasuki dunia korporat, menghadapi cabaran besar namun tidak pernah berputus asa. Berkat usaha gigih, syarikatnya berjaya memperoleh projek bernilai jutaan ringgit serta geran dari Cradle Fund dan Hasanah.

Buku ini menjadi panduan berguna, penuh tip mengelak kegagalan dan nasihat praktikal. Ia tidak menjanjikan kejayaan segera, tetapi menjadi inspirasi kepada mereka yang ingin keluar dari "lembah maut" perniagaan.

